

02 NOV 2002

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini untuk mengadakan lawatan kerja sehari di negeri ini.

Ketibaan beliau kira-kira pukul 8.50 pagi disambut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya dan Anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sebaik tiba, Perdana Menteri menyaksikan penganugerahan persijilan SIRIM kepada IBM untuk komputer peribadi pertama "Buatan Malaysia" yang diadakan di bilik kenamaan Lapangan Terbang Bayan Lepas di sini.

Dr Mahathir dan Abdullah turut menerima cenderahati berupa sebuah komputer peribadi yang disampaikan oleh Pengarah Urusan IBM Malaysia, Voon Seng Chuan.

Perdana Menteri kemudiannya beredar untuk merasmikan Konvensyen BN Negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini. Beliau juga akan merasmikan program Pemimpin Bersama Rakyat di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, dekat sini selepas itu.

-- BERNAMA
ROR ROS